

MCA: Siasat segera kes makan di bilik persalinan
Malaysian Insider
July 24 , 2013
Oleh HASBULLAH AWANG CHIK

Kementerian Pendidikan harus menjalankan siasatan dan memastikan tidak berlaku lagi kejadian makan di bilik persalinan menurut Ketua Pemuda MCA Datuk Dr Wee Ka Siong.

Beliau berkata alasan pihak pengurusan SRK Seri Pristana tidak dapat diterima kerana menganggap perbuatan tersebut sebagai wajar menjadikan bilik persalinan sebagai kantin kepada murid-murid bukan Islam.

"Kami menggesa Kementerian Pendidikan menjalankan siasatan menyeluruh bagi memastikan insiden berkenaan tidak berulang sebagai pengulangan menguji ketegangan kaum di Malaysia. "Setiap orang di Malaysia, tanpa mengira bangsa dan budaya telah mempelajari latar belakang masyarakat pelbagai kaum dan saling menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Sebagai contoh, golongan bukan Islam mengelak untuk makan dan minum di hadapan orang Islam. Ini contoh mudah saling hormat-menghormati," ujar beliau dalam satu kenyataan media hari ini.

Beliau menegaskan meletakkan murid bukan Islam untuk makan di bilik persalinan tidak boleh diterima kerana turut menghina dan memalukan murid dan ibu bapa. Wee berkata dari segi kesihatan jelas perbuatan yang jijik menjadikan bilik persalinan atau tandas untuk makan kerana ini perkara yang telah diketahui.

Ketua Pemuda MCA itu menyanggah perbuatan guru besar berbuka puasa di bilik persalinan semata-mata menghalalkan perbuatan berkenaan yang nyata tidak rasional.

"Jika diturutkan alasan tidak masuk akal ini, pastinya kita bakal mengadakan kelas di bilik persalinan apabila kelas tidak mencukupi," tambah Wee.

Sekolah SK Seri Pristana heboh di media selepas laporan keluar murid bukan Muslim diarah makan di bilik mandi semasa waktu rehat pada bulan Ramadan.

Gambar menunjukkan murid sedang makan di bilik mandi tersebar luas di Facebook.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin juga mengarahkan Kementerian Pendidikan menjalankan siasatan berhubung dakwaan itu dan memberi amaran tindakan akan diambil jika benar.

Timbalan Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Dr Mahfodz Mohamed berkata walaupun orang Islam berpuasa di bulan Ramadan, adalah tidak wajarlah kalau ditinggalkan bukan Islam di tempat seperti bilik air kerana mereka pun akan hilang selera untuk makan. - 24 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mca-siasat-segera-kes-makan-di-bilik-persalinan>

